


TARIKH: 8/9/23.
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 15.



AZNI (dua dari kanan) menyerahkan faedah pengurusan mayat Perkeso kepada Nazatul Shima (dua dari kiri) sambil diperhatikan Mohamad Mohyddin di Kampung Padang Pulut, Dungun semalam.

Balu staf TNB terima pampasan Perkeso

DUNGUN – Seorang ibu akan memastikan tiga anak menerima pendidikan sempurna walaupun kehilangan suami dalam nahas jalan raya dua minggu lalu.

Nazatul Shima Mohd. Shafai, 42, berkata, pemergian suami, Sukri Md. Said@Awang, 42, yang merupakan Ketua Juru-tenik Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bandar Al-Muktafi Billah Shah, pada 23 Ogos lalu amat mengejutkan.

“Kami berdua mahu anak-anak Nurul Aqilah Qistina, 15, Muhammad Arif Darwisy, 14, dan Muhammad Asyraf, 11, melangkah ke menara gading,” katanya ketika ditemui di Kampung Nyior, Paka di sini semalam.

Terdahulu, Pembantu Tad-

bir TNB Paka itu menerima faedah pengurusan mayat berjumlah RM2,000 yang disampaikan Pegawai Eksekutif Perkeso Dungun, Azni Rahim.

Azni berkata, selain itu, Nazatul Shima dan anak-anak juga layak menerima Faedah Orang Tanggungan RM4,455 sebulan.

“Balu akan menerima faedah seumur hidup, manakala tiga anak pula sehingga berusia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah sarjana muda,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar TNB Terengganu, Ir. Mohamad Mohyddin Mohamed Nor turut menyerahkan bantuan awal pengebumian RM3,500 selain sumbangan kilat RM7,750 daripada staf TNB Kemaman.

*
(faedah)
8/9/23
kosmo
ms 15